

**SESI LIBAT URUS BERSAMA KERAJAAN NEGERI
PULAU PINANG
PENYEDIAAN RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS,
2021-2025 (RMKe-12)**

**TRANSKRIP UCAPAN MUKADIMAH OLEH
YB DATO' SERI MOHAMED AZMIN ALI
MENTERI HAL EHWAL EKONOMI**

**2 OGOS 2019
HOTEL JEN, PULAU PINANG**

Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow

Ketua Menteri Pulau Pinang

Yang Berhormat Dato' Sarul Bahiyah Haji Abu

Pegawai Kewangan Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Pulau Pinang

Yang Berbahagia Dato' Saiful Anuar Lebai Hussien

Ketua Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

Ketua-ketua Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Jabatan
Persekutuan di Pulau Pinang

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat
sejahtera.

1. Alhamdulillah saya panjatkan rasa syukur Allah SWT kerana pada pagi ini saya dan pimpinan tertinggi daripada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dapat turun bersama ke Negeri Pulau Pinang dalam satu perbincangan dan wacana yang penting untuk melihat bagaimana Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dapat membangunkan Negeri Pulau Pinang secara menyeluruh, inklusif demi kesejahteraan rakyat di Negeri Pulau Pinang.
2. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas tahniah kepada sahabat saya YAB Saudara Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang kerana telah menonjolkan kepimpinan yang kuat dengan pasukan yang proaktif di kalangan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi dalam melaksanakan tugas yang amat mencabar pada hari ini.
3. Sesi libat urus ini sebenarnya adalah langkah pertama usaha Kerajaan Persekutuan untuk mengumpulkan maklum balas daripada Kerajaan Negeri dalam proses penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) yang merangkumi tempoh dari tahun 2021 hingga 2025.

4. Pelan ini selaras dengan dasar yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 9 Mei 2019 yang lalu di mana YAB Perdana Menteri telah melontarkan satu wawasan baharu, iaitu Kemakmuran Bersama sebagai satu iltizam untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mampan dan inklusif.

5. Tiga objektif utama Wawasan Kemakmuran Bersama ini adalah:
 - a. Pertama, merapatkan jurang ekonomi antara kelas pendapatan, kaum dan wilayah bagi membawa bersama rakyat yang ketinggalan supaya terbela dan diperkasa untuk menangani ketidaksamaan;

 - b. Kedua, membangunkan sebuah ekonomi yang terstruktur semula, progresif, berpaksikan ilmu dan bernilai tinggi melalui penyertaan masyarakat yang menyeluruh di seluruh negara; dan

- c. Ketiga, membina Malaysia sebagai sebuah negara yang bersatu, makmur dan bernaung seterusnya muncul sebagai paksi ekonomi Asia.
6. Bagi mencapai matlamat ini, Kerajaan telah mengenal pasti 15 Bidang Pertumbuhan Utama Ekonomi yang berpotensi untuk menjana pertumbuhan ekonomi yang mampan.
7. Di Negeri Pulau Pinang, Kerajaan akan meningkatkan usaha dalam sektor pengangkutan dan logistik yang bersepadu dan lestari, R&D, pertanian pintar dan pembangunan modal insan.
8. Kita mengambil maklum Pulau Pinang merupakan antara negeri penyumbang tertinggi KDNK nasional dengan nilai sebanyak RM91.18 bilion atau 6.7% daripada KDNK pada tahun 2018.
9. Pulau Pinang juga telah berjaya mencatatkan pendapatan isi rumah penengah sebanyak RM6,771 pada tahun 2016 – kira-kira 29.5% lebih tinggi daripada paras nasional pada RM5,228 dalam tempoh yang sama.

10. Pulau Pinang mencatatkan bilangan migrasi masuk yang positif iaitu sebanyak 16,300 pada tahun 2016 dan menjadikan Pulau Pinang sebagai nukleus ekonomi dan pusat pertumbuhan, dan menghasilkan kesan konurbasi ke Kedah Selatan dan Perak Utara, mencipta satu sinergi baru dalam usaha pembangunan ekonomi Wilayah Utara.
11. Oleh itu, Negeri Pulau Pinang penting dari segi kemajuan industri bahkan mempunyai peranan sebagai paksi ekonomi utara Semenanjung Malaysia.
12. Bagi mengukuhkan kedudukan Pulau Pinang sebagai hab logistik Wilayah Koridor Ekonomi Utara, projek-projek berimpak tinggi perlu dilaksanakan. Antaranya adalah meningkatkan kapasiti pengendalian kargo di Pelabuhan Pulau Pinang.
13. Projek ini akan memberi impak kepada ekonomi nasional kerana dapat meningkatkan perdagangan rentas sempadan antara Malaysia dan Thailand.
14. Pada masa ini, 60% daripada jumlah dagangan dua negara ini adalah melalui sempadan Malaysia-Thailand dan 38%

daripada pengendalian kontena di Pelabuhan Pulau Pinang adalah dari Selatan Thailand untuk tujuan pengeksporan semula ke negara luar.

15. Kerajaan akan membincangkan usaha Kerajaan Negeri merangka hala tuju strategik jangka panjang dan merancang infrastruktur pelabuhan bagi meletakkan Pelabuhan Pulau Pinang sebagai sebuah pelabuhan antarabangsa yang efisien di rantau ini.
16. Pelaksanaan Projek Lebuh raya Koridor Utara (NCH) melalui Jambatan Kedua Pulau Pinang akan meningkatkan *connectivity*. Fasa 1B dengan anggaran kos bernilai RM675 juta akan menghubungkan Bandar Baharu ke Batu Kawan, manakala Fasa 1C pula akan menghubungkan NCH dari Lebuh raya Butterworth - Kulim ke Jambatan Pulau Pinang dengan kos bernilai RM254 juta. Keseluruhan kos projek bernilai RM929 juta.
17. Kerajaan Persekutuan akan membantu menjayakan matlamat Penang Transport Master Plan yang bertujuan bukan sahaja untuk penyuraian trafik tetapi meningkatkan kecekapan pengangkutan awam, mencapai sasaran

penumpang atau *targeted ridership*, tidak membebankan komitmen Kerajaan untuk menyediakan sistem pengangkutan yang *affordable* kepada rakyat keseluruhannya.

18. Kerajaan turut memberi fokus kepada pemerkasaan penyelidikan dan pembangunan (R&D). Sejak 2012, *Collaborative Research in Engineering, Science and Technology* (CREST) telah merekodkan 138 projek R&D, 77 rakan industri dan universiti serta melahirkan 6,000 graduan universiti dan tenaga mahir industri.
19. Pelan jangka masa panjang CREST bagi 2021 hingga 2025 merangkumi pembangunan produk baharu melalui jaringan R&D dan pengkomersilan, penjagaan kesihatan digital dengan melonjakkan aplikasi inovasi perubatan mampu milik serta membangunkan bandar pintar (*smart cities*) untuk memperluaskan aplikasi teknologi kepada komuniti setempat.
20. Memandangkan sektor pasaran eksport industri E&E menyumbang sebanyak RM380.8 bilion atau 39.4% daripada jumlah barangan eksport Malaysia pada tahun

2018, ekosistem sedia ada akan dikembangkan dengan menubuhkan hab kejuruteraan ujian (*test engineering hub*) E&E di Bayan Lepas, Pulau Pinang.

21. Sektor pertanian merupakan sektor yang penting bagi memacu pertumbuhan di Seberang Perai dan boleh menjadi model kepada pelaksanaan pertanian pintar. *Smart technologies* seperti *drone*, *Artificial Intelligence*, *automation* dan *Internet of Things* perlu digarap supaya kualiti dan produktiviti hasil dapat ditingkatkan, sekaligus menjamin keselamatan sumber makanan (*food security*) dan menghasilkan produk pertanian yang berdaya saing di pasaran eksport.
22. Dasar pertanian Pulau Pinang juga perlu diselaraskan dengan Dasar AgroMakanan Negara 2.0 supaya fokus dapat diberikan kepada tanaman hasil tinggi seperti *superfruits*, beras organik, sayuran tanah tanah (*lowland vegetables*), tiram, nanas serta tanaman kontan.
23. Maka, satu model pertanian yang baharu perlu dilaksanakan untuk meningkatkan produktiviti pengeluaran tanaman dan memperkenalkan teknologi tinggi melalui model perniagaan

baharu di mana syarikat peneraju akan memacu industri perniagaan tani (*agro-based business*), sekaligus mewujudkan kesan limpahan ekonomi untuk komuniti setempat.

24. Antara program NCIA berteraskan pertanian di Pulau Pinang meliputi ladang nukleus penternakan tiram di Balik Pulau yang menelan kos RM5 juta serta pembangunan Modal Pengurusan Estet 2.0 di Seberang Perai Selatan yang bernilai RM5 juta.

YAB Ketua Menteri dan Ketua-Ketua Jabatan,

25. Wawasan Kemakmuran Bersama menegaskan bahawa pembangunan yang berkualiti atau *quality development* mampu merapatkan jurang ekonomi antara wilayah untuk menangani ketidaksamaan.
26. Wawasan ini juga menjamin tidak ada mana-mana masyarakat yang terpinggir dan ketinggalan daripada menikmati kekayaan negara.

27. Kerajaan Persekutuan mendukung usaha Kerajaan Negeri bersama pihak swasta untuk menyediakan perumahan mampu milik menerusi Program Urban Regeneration selaras hala tuju yang ditetapkan untuk menyediakan 1 juta rumah mampu milik. Kerajaan Persekutuan menyarankan supaya Kerajaan Negeri mengambil kira, lokasi yang bersesuaian khususnya di tapak yang berdekatan dengan sistem pengangkutan awam.
28. Kerajaan juga akan berusaha untuk meningkatkan pendapatan isi rumah B40 yang di kalangan rakyat Pulau Pinang khususnya di kalangan golongan Melayu dan Bumiputera. Ramai daripada isi rumah B40 ini hanya mempunyai satu sumber pendapatan, sama ada bekerja sendiri dalam perusahaan mikro atau membuat kerja berpendapatan rendah.
29. Kerajaan Negeri dan Persekutuan perlu menggembelng tenaga dan usaha untuk memupuk nilai keusahawanan melalui program-program latihan dan pembangunan modal insan.

30. *Enterpreneurship serves as the lifeline for the economy, driving its growth and expansion, with vibrant enterpreneurship we will get robust people centric economic growth.* Keusahawanan merupakan talian hayat bagi memacu pertumbuhan perkembangan ekonomi.
31. Bagi memastikan pembangunan yang saksama dan melonjakkan pembangunan sosioekonomi Negeri Pulau Pinang, tiga program bagi menerajui pembangunan modal insan telah diperkenalkan, iaitu empowerNCER@Pulau Pinang, entrepreneurshipNCER@Pulau Pinang dan NCER Talent Enhancement Programme (NTEP).
32. Program empowerNCER@Pulau Pinang dilaksanakan melalui program pendidikan menyeluruh kepada kumpulan sasaran B40 serta latihan asas kemahiran dan keusahawanan untuk menambah nilai pasaran tenaga kerja tempatan dan peluang keusahawanan kepada rakyat di Pulau Pinang.
33. Bagi meningkatkan lagi pendapatan Bumiputera di Negeri Pulau Pinang, Kerajaan melalui NCIA telah melaksanakan program Dana Mudahcara, iaitu sejenis mekanisme

“*Topping up*” kepada usahawan yang mengalami kekangan kewangan.

34. Semenjak pelaksanaan program pada tahun 2014, Dana Mudahcara telah membantu 13 projek, menghasilkan RM121.65 juta pelaburan dan 578 peluang pekerjaan.
35. Bagi menarik pelaburan bernilai tinggi ke Pulau Pinang, Pakej Insentif Istimewa NCER turut ditambah baik dengan penambahan Daerah Seberang Perai Tengah dan Daerah Barat Daya, di samping Daerah Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Selatan bagi menarik pelaburan baharu di daerah-daerah ini dan memastikan pembangunan yang seimbang di Pulau Pinang.
36. NCER Talent Enhancement Programme (NTEP) telah memberi peluang pekerjaan kepada graduan yang tidak bekerja dengan kerjasama pelbagai agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri seperti MIDA, SME Corp, investPenang, FMM dan pelbagai agensi yang lain.
37. Seramai 350 orang graduan disasarkan bagi tahun 2019 dan 350 lagi bagi tahun 2020. Setakat ini, seramai 94 peserta

telah berjaya, sementara 189 peserta masih dalam peringkat kelulusan.

38. Bagi menjamin masa depan Bumiputera di Pulau Pinang, usaha pembangunan sektor hartanah di Negeri Pulau Pinang telah dipacu oleh JKP Sdn. Bhd. (JKPSB), sebuah agensi pelaksana kepada Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang. Sehingga kini JKPSB telah berjaya menghasilkan lebih daripada 18,000 unit rumah di Pulau Pinang sejak penubuhannya pada 1995.
39. Saya ingin mengambil kesempatan pada pagi ini untuk mengumumkan bahawa YAB Perdana Menteri telah bersetuju untuk melantik YBhg. Datuk Zolkopli bin Dahalan sebagai Pengerusi JKPSB yang baharu. Saya yakin pengalaman luas serta pencapaian cemerlang beliau di dalam perkhidmatan awam, terutamanya dalam menggalas tanggungjawab pelaksanaan inisiatif pembangunan akan dapat membantu agenda pemerkasaan masyarakat Bumiputera di Pulau Pinang.

YAB Ketua Menteri dan para hadirin sekalian,

40. Sekali lagi saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada YAB Tuan Chow Kon Yeow dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang telah bekerja kuat dan gigih untuk memastikan Negeri Pulau Pinang terus menjadi negeri penyumbang utama kepada KDNK negara dan semangat ini harus dipertingkatkan dengan kerjasama yang lebih kukuh antara Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan juga Kerajaan Negeri.
41. Akhir sekali kita bersyukur dan berbangga dengan kejayaan Negeri Pulau Pinang yang telah mencapai status negeri industri dengan pendapatan per kapita yang tinggi. Namun kita juga harus insaf bahawa kejayaan kadang-kadang akan membawa *unintended consequences*, maka langkah-langkah proaktif perlu diambil untuk menangani isu ini.
42. Saya yakin sesi libat urus pada hari ini dapat mengumpul idea-idea baru yang dapat mencipta nilai kepada ekonomi negara dan menaikkan taraf hidup rakyat Pulau Pinang.

43. Saya berharap Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi di peringkat Persekutuan dan Negeri dapat membantu Kementerian untuk merangka satu dasar baharu dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas dan sudah tentulah Negeri Pulau Pinang akan diberikan perhatian bagi memastikan negeri ini terus kekal sebagai negeri penyumbang utama kepada KDNK negara.

Sekian, terima kasih.